

**PENEROKAAN ELEMEN MODERASI DALAM
KALANGAN GURU BAHASA ARAB TAHAP SATU
SEMASA MENJALANKAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH
BAHASA ARAB DI SEKOLAH KEBANGSAAN**

*Hariatul Hafidzah Mahmad Khory¹, Muhammad Azhar Zailani¹ &
Mohd Nazri Abdul Rahman¹

ABSTRACT

This study explores the moderation practices among Level One Arabic language teachers in national schools for determining students' Band (TP) in Classroom-Based Assessment (PBD). Moderation refers to a structured discussion process among teachers to ensure decisional consistency and error and bias reduction in student assessment. Moderation practices are essential in setting TP to guarantee consistency and fairness in assessment, particularly when facing challenges such as disagreements among assessors and conflicts between official standards and teachers' existing knowledge. This study employs a qualitative case study approach involving five Arabic language teachers selected through purposive sampling. Data were obtained through in-depth interviews and analyzed using ATLAS.ti software to identify key themes. Findings reveal two moderated elements by Level One Arabic teachers in determining students' TP: Syllabus Moderation and Learning Moderation. Teachers' moderation with various groups discusses syllabus adjustments, teaching strategies, and topics related to students' behavior and attitude changes to align TP decisions. Moderation involves teachers from diverse subject backgrounds to obtain a comprehensive view of students' potential and challenges, enhancing teachers' ability to make more accurate and meaningful TP decisions. This study is expected to assist teachers in understanding the need for moderation as an essential element in conducting PBD with integrity, thus strengthening the reliability of standards-based assessments in national schools.

Keywords: *Moderation, teachers' judgment.*

[1]
Faculty of Education, Universiti
Malaya
pva180046@siswa.um.edu.my

PENGENALAN

Moderasi bukanlah satu amalan baru dalam dunia Pendidikan. Ia juga sebahagian daripada Komuniti Pembelajaran Profesional (*Professional Learning Community [PLC]*). Ia merujuk kepada perbincangan yang berfokus kepada kualiti dan standard tugas murid (Wyatt-Smith & Klenowski, 2010). Guru melakukan moderasi dan perbincangan berasaskan rujukan konkrit, pengetahuan sosial, dan pengetahuan sedia ada mereka bagi membincangkan penentuan tahap penguasaan (TP) murid berdasarkan standard yang ditentukan. Moderasi dilakukan untuk menyelaraskan keputusan pada peringkat guru secara individu, guru subjek kelas diajar, dan guru sekolah secara keseluruhan. Para guru perlu melakukan moderasi ataupun perbincangan bersama rakan sejawat untuk menentukan dan memastikan TP murid adalah setara walaupun ditaksir oleh pentaksir berbeza. Dalam beberapa situasi, guru perlu mengenal pasti masalah dan berusaha mencari penyelesaian terbaik melalui amalan moderasi.

Kajian tentang penentuan prestasi murid menunjukkan, pertimbangan guru dilakukan dengan melibatkan evidens berkaitan pencapaian, usaha, dan sikap murid (Brookhart, 2004). Amalan guru dalam penentuan prestasi murid di sekolah rendah adalah melalui pelbagai strategi yang menggabungkan evidens kuantitatif dan kualitatif (Allal, 1988). Evidens kuantitatif merujuk kepada markah ujian, manakala kualitatif pula diperoleh melalui pemerhatian, interaksi guru dengan murid, dan semakan hasil kerja murid. Pertimbangan guru di dalam bilik darjah secara jelas mengandungi ralat dan bias (Allal, 2013). Antara satu pendekatan yang dibangunkan untuk meningkatkan konsistensi pertimbangan guru dalam pentaksiran adalah menerusi moderasi bersama rakan sejawat (Wyatt-Smith & Klenowski, 2010). Moderasi dilakukan bagi mengurangkan kesan halo (*halo effect*) dalam keputusan yang dibuat. Kesan halo ialah faktor yang mempengaruhi seseorang pentaksir semasa menaksir sama ada untuk meningkatkan atau mengurangkan skor yang ditentukan (IPGM, 2019). Tidak dapat dinafikan, elemen moderasi memainkan peranan penting bagi menjamin ketekalan penentuan TP murid dalam pentaksiran bilik darjah.

Walau bagaimanapun, moderasi didapati memberi tekanan bagi menimbang tara standard rasmi (*official standards*) dan maklumat sedia ada (*tacit*) berdasarkan pengalaman pengajaran guru (Allal, 2013). Dalam menjalankan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), peranan guru dalam pengajaran dan pentaksiran adalah seiring (Black & Wiliam, 2018; Hariatul Hafidzah et al., 2021; Wan Mohd Zuhairi, 2017). Guru yang mantap dalam amalan pengajaran sebagai penyampai ilmu masih perlu menambah baik amalan mereka selaku pentaksir dalam pendidikan. Kajian kompetensi guru bahasa Arab sekolah rendah mendapati, guru mempunyai kompetensi yang tinggi dalam aspek pedagogi dan profesionalisme tetapi perlu meningkatkan kompetensi dalam tiga aspek, iaitu penilaian, kurikulum, dan bahasa (Abdul Razif Zaini et al., 2020). Hal ini menunjukkan, kompetensi pengajaran dan pentaksiran guru adalah tidak selari sedangkan pelaksanaan PBD memerlukan kedua-duanya bergerak seiring. Justeru, para guru bahasa Arab memerlukan bimbingan dan panduan dalam aspek penilaian dan pentaksiran, penguasaan kurikulum, dan aspek bahasa agar menjadi guru yang kompeten.

Antara perkara penting dalam pelaksanaan PBD ialah penentuan Tahap Penguasaan (TP). Para guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan agar TP murid dapat ditentukan mengikut prestasi semasa. Para guru menggunakan pertimbangan mereka berpanduan Standard Prestasi bagi menentukan penguasaan pembelajaran murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). PBD memfokuskan untuk mengoptimumkan perkembangan pembelajaran murid secara individu dan tidak bertujuan membandingkan pencapaian sesama mereka. Pertimbangan guru dapat dilakukan dengan baik dan betul apabila mereka mempunyai maklumat yang mencukupi (Smith, 2003). Antara proses mengumpul dan mendapatkan maklumat murid bagi menentukan TP mereka ialah elemen moderasi. Oleh itu, elemen moderasi perlu diberi perhatian dan dikuasai dengan baik oleh guru dalam melaksanakan PBD.

PERMASALAHAN

Antara masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru sebagai pentaksir ialah perbezaan pertimbangan antara guru dalam amalan mentaksir (Wyatt-Smith & Klenowski, 2013). Perbezaan pertimbangan guru ini mewujudkan ketidaksamaan pengertian dan interpretasi guru tentang standard yang merupakan panduan utama dalam

amalan pentaksiran. Hal ini mengakibatkan wujudnya ancaman kepada konsistensi pertimbangan ketika mentaksir pembelajaran murid (Galaczi et al., 2011). Situasi ini merupakan antara faktor penyebab penilaian guru ke atas murid yang tidak selari dengan prestasi sebenar mereka.

Perbezaan pertimbangan guru mewujudkan perbezaan interpretasi antara guru tentang standard prestasi yang merupakan panduan utama dalam menentukan TP murid. Jurang perbezaan pertimbangan antara guru dapat didekatkan melalui amalan moderasi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka amalan moderasi dalam kalangan guru bahasa Arab Tahap Satu bagi menentukan tahap penguasaan murid semasa pentaksiran bilik darjah di sekolah kebangsaan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka elemen moderasi guru bahasa Arab Tahap Satu semasa menjalankan PBD Bahasa Arab di sekolah kebangsaan. Bagi mencapai tujuan kajian ini, soalan-soalan kajian yang dirangka adalah:

- 1) Bagaimanakah guru menjalankan moderasi bagi menentukan tahap penguasaan murid dalam PBD bahasa Arab Tahap Satu?
- 2) Apakah aspek yang dibincangkan semasa moderasi PBD bahasa Arab dijalankan?

KEPENTINGAN

Pertama, kajian ini bermanfaat kepada guru bahasa Arab dan yang mengajar bahasa Arab Tahap Satu di sekolah kebangsaan, khususnya guru baharu. Penerangan tentang elemen moderasi dalam PBD dapat membantu mereka menentukan tahap penguasaan murid semasa PBD di sekolah kebangsaan dengan lebih baik. Guru yang mendapat gambaran jelas tentang penentuan tahap penguasaan murid dalam PBD akan menjadi lebih jelas dan berkeyakinan dalam melaksanakannya. Di samping itu, mereka juga diberi pencerahan tentang aspek yang perlu dititikberatkan bagi menentukan tahap penguasaan murid dengan benar dan bermakna.

Kedua, kajian ini melibatkan sekumpulan guru yang mengamalkan pengajaran dan pentaksiran yang terbaik bagi mata pelajaran bahasa Arab sebagai peserta kajian. Tema amalan moderasi dalam kajian ini disusun secara komprehensif bagi berdasarkan data sebenar yang diperoleh. Justeru, adalah diharapkan agar kajian ini berupaya memantapkan amalan guru melaksanakan PBD, khususnya elemen moderasi, dalam menentukan tahap penguasaan murid bagi mata pelajaran bahasa Arab di sekolah kebangsaan dengan yakin.

Hal ini kerana, kajian ini dapat memberi pencerahan tentang aspek yang perlu dititikberatkan oleh guru semasa menentukan TP murid, di samping memberi panduan kepada mereka dalam menentukan TP dengan lebih baik mengikut kriteria yang dikenal pasti. Kesimpulannya, kajian penerokaan elemen moderasi dalam penentuan guru terhadap tahap penguasaan murid amat penting untuk dijalankan bagi konteks transformasi aspek pentaksiran dalam pendidikan. Hal ini agar mereka dapat melaksanakan tanggungjawab secara berakuntabiliti dan meningkatkan kebolehpercayaan masyarakat terhadap penentuan TP dalam PBD di sekolah kebangsaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kes dengan reka bentuk kualitatif. Kajian ini dijalankan secara penerokaan berdasarkan pengalaman sebenar peserta kajian. Seramai lima orang peserta kajian telah dipilih secara pensampelan dan bertujuan untuk melaksanakan kajian ini. Menurut Patton (1990), tiada kaedah khusus untuk menentukan saiz sampel kajian kualitatif, dengan syarat data yang dikumpul mencukupi dan mencapai ketepatan data. Menurut Cresswell (2013) dan Gutterman (2015), saiz sampel kajian kes ialah 4 dan ke atas. Justeru, penyelidik menetapkan seramai lima orang peserta kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan.

Pemilihan Peserta Kajian

Reka bentuk kajian kes secara kualitatif ini dipilih kerana ia sesuai untuk meneroka proses yang berlaku secara semulajadi dengan melibatkan peserta kajian di lokasi sebenar (Merriam, 2009). Penyelidik memilih peserta

kajian setelah mengenal pasti kriteria yang diperlukan dan berbincang dengan informan dan *gatekeeper* iaitu Pegawai JPN, Pegawai PPD dan guru besar sekolah berkenaan. Kelima-lima peserta kajian ini mempunyai kepakaran dalam bidang yang dikaji (*expert*), mempunyai kebolehan bercakap dan menghuraikan pendapat mereka daripada perspektif emik (*expertise*) dan juga bersedia untuk membantu penyelidik mendapatkan data untuk kajian (*willingness*) (Merriam, 1998). Bagi menjawab persoalan kajian, kaedah temu bual mendalam telah dijalankan. Pemilihan kaedah ini sejajar dengan objektif kajian iaitu meneroka elemen moderasi dalam kalangan guru bahasa Arab Tahap Satu bagi menentukan tahap penguasaan murid dalam PBD di sekolah kebangsaan.

Analisis Data

Hasil temu bual bersama peserta kajian telah ditranskripsikan. Menurut Noraini Idris (2003), hasil temu bual yang ditranskripsi secara verbatim merupakan proses dalam menganalisis data semasa proses pengumpulan data. Dalam proses membaca dan menanda transkrip, petikan temu bual yang bermakna telah dilabel dengan tajuk tertentu. Tajuk yang sama atau hampir sama dikelompokkan dan diberi kod-kod tertentu dan dikategorikan. Setelah semua proses mengekod selesai, kategori-kategori yang mempunyai hubungan telah diletakkan dalam kategori yang lebih luas untuk membuat tema. Tema ditentukan kepada data tersebut berdasarkan tujuan kajian dengan mengambil kira tentang kesahan dan kebolehpercayaan data yang telah dikumpul untuk membuat kesimpulan berdasarkan analisis tema. Data lain yang mengukuhkan dapatan kajian diperoleh secara analisis dokumen berkaitan.

Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti secara *axial coding*. *Axial coding* merujuk kepada aktiviti penyelidik dalam mengekod dalam kajian ini. *Open coding* memerlukan penyelidik mengurus data mentah yang diperoleh dengan cara mengkategorikan, memisah, membandingkan, menggabungkan, dan mengelaskan data dengan membuat perkaitan antara data sehingga wujud tema yang bertujuan memberi makna kepada data (Bogdan & Biklen, 2003; Merriam, 2009). *Axial coding* pula memerlukan pengkaji untuk mengubah suai dan menyusun semula tema yang muncul apabila lebih banyak data dianalisis. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan *Axial coding* kerana terdapat banyak sumber data melalui pengumpulan data yang dianalisis dan dikodkan. Berdasarkan pengkodan data, penyelidik mengeluarkan tema yang muncul secara emergent dengan cara *axial coding*.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kajian ini, dua tema moderasi guru telah dikenal pasti, iaitu moderasi aspek Silibus Bahasa Arab dan Pembelajaran Murid.

Moderasi Silibus Bahasa Arab

Kelima-lima peserta kajian melakukan moderasi berkaitan silibus bahasa Arab tetapi dalam kelompok yang berbeza. Peserta Kajian 1 menjelaskan bahawa moderasi bersama ahli Panitia Bahasa Arab iaitu guru bahasa Arab dilakukan untuk membuat penyelarasan PdP Bahasa Arab setiap tahun. Ia juga dilaksanakan bagi mendengar isu-isu berkaitan pembelajaran murid dalam kalangan rakan-rakan guru untuk dibincangkan sebagaimana dinyatakan dalam rakaman temu bual berikut:

Kebiasaannya untuk PLC ni kita nak selaraskan PdPc Bahasa Arab kita ni setiap tahun. Sebab tahap murid dalam kelas-kelas ni dia berbeza. Jadi dari situ lah kita dapat membantu rakan-rakan kita (UF.TBM.A1.15-16).

Peserta Kajian 1 menyatakan bahawa moderasi dibuat untuk menyelaraskan PdP sesama guru. Hal ini kerana beliau mempunyai dan menerima murid yang berbeza. Namun, adakalanya terdapat murid yang sama tetapi menunjukkan perubahan tingkah laku:

Jadi dari situ lah kita dapat membantu rakan-rakan kita. (UF.TBM.A1.15-16)

Menurut Peserta Kajian 1, antara perkara lain yang dibincangkan dalam moderasi sesama guru bahasa Arab ialah kaedah pembelajaran murid, pedagogi guru, dan strategi pengajaran guru sebagaimana temu bual berikut:

Aspek perbincangan adalah tentang murid... macam mana murid belajar, dan termasuk juga pedagogi guru, pendekatan macam mana guru mengajar... (UF.TBM.A1.15-16).

Bagi Peserta Kajian 6 pula, perbincangan dalam panitia dilakukan di mana antaranya adalah untuk membincangkan intervensi bagi murid yang tidak menguasai sebagaimana berikut:

Yang pertama sesama panitia. Dalam mesyuarat panitia kita akan bincangkan perkara ni. Murid yang boleh dan murid yang tak boleh. Apa program yang akan dibuat. Sebab perkara ni kita tak nak berterusan (UA.TBM.A1.19-20).

Bagi Peserta Kajian 5, moderasi sesama guru bahasa Arab dilakukan untuk perkongsian dalam aspek Bahan Bantu Mengajar dan Penentuan Tahap Penguasaan Murid sebagaimana berikut:

Sesama guru bahasa Arab sebabnya guru BA sorang lagi dia tak ajar kelas tu. Tapi biasanya kita moderate, moderate dari sudut BBM, penyediaan BBM, lagi satu moderate dari sudut kita nak meletakkan (UR.TBM.A1.14-15).

Bagi Peserta Kajian 4 pula, moderasi sentiasa dilakukan melibatkan apa sahaja isu memandangkan mereka berada dalam kuantiti yang sedikit dan mempunyai keserasian bekerja bersama:

Perbincangan sesama guru BA memang selalu la, sebab kami tiga orang sahaja. Bukannya ramai sangat pun (Ketawa). Jadi apa-apa benda pun memang akan berbincang (US.TBM.A1.19-20).

Selain moderasi sesama guru bahasa Arab, moderasi turut dilakukan bersama guru *tasmik* dan guru Pendidikan Islam. Bagi Peserta Kajian 6, memandangkan beliau ialah satu-satunya guru Bahasa Arab di sekolah berkenaan, perbincangan dilakukan bersama guru Pendidikan Islam sebagaimana temu bual berikut:

Macam saya di sini, hanya saya seorang sahaja guru bahasa Arab. Jadi tak boleh lah nak bincang sorang-sorang (Ketawa). Jadi yang pertamanya saya akan rujuk kepada guru agama (PI) sebab memang ada kaitan jugak kan. Contoh, saya buat tak berjaya, tapi guru PI buat berjaya. Jadi saya akan bertanya kepada guru PI macam mana dia buat. Dan kalau sesuai saya akan gunakan dalam PdP bahasa Arab (UA.TBM.A1.19-20).

Peserta Kajian 6 mementingkan penguasaan murid. Beliau didapati mencuba pendekatan guru lain yang berjaya, untuk disesuaikan dalam PdP bahasa Arab untuk meningkatkan penguasaan pembelajaran murid.

Begitu juga Peserta Kajian 5, moderasi dilakukan bersama guru *tasmik* kelas yang diajar, terutama yang melibatkan kemahiran membaca murid sebagaimana dinyatakan dalam transkrip temubual:

Biasanya dengan guru tasmik dia, kita akan lagi nampak bacaan dia tahap mana... iqra' mana, al-Quran dia di tahap mana. Bacaan al-Quran dia macam mana. Maknanya kalau al-Quran dia ok, bacaan bahasa Arab dia pun ok kan (UR.TBM.A1.15-16).

Bagi Peserta Kajian 2, memandangkan beliau satu-satunya guru bahasa Arab di sekolah, beliau melakukan moderasi dengan guru mata pelajaran yang lain dalam kelas diajar untuk mendapatkan gambaran yang lebih baik tentang seseorang murid:

Ada juga perbincangan dengan guru-guru yang lain contohnya guru bahasa Inggeris. Contohnya, kita akan bincangkan tentang prestasi murid ni (UM.TBM.A1.12-13).

Peserta Kajian 4 mendapati bahawa mengadakan perbincangan sesama guru mata pelajaran yang lain juga penting agar mereka dapat mengenali peribadi dan potensi murid dengan lebih baik.

Kalau masalah, kadang-kadang murid yang sama, mungkin cikgu BM ke, BI ke, dia akan mengalami murid yang sama ni, respons yang lain (US.TBM.A3.11-12).

Begitu juga Peserta Kajian 5 yang melakukan moderasi dengan guru mata pelajaran lain untuk mengetahui kemampuan seseorang murid dalam aspek penulisan dan pembacaan. Maklumat murid akan dicungkil semasa berbual dengan guru-guru yang mengajar di kelas yang sama:

Kadang tu saya sembang-sembang juga dengan guru subjek lain untuk tahu kemampuan murid tu macam mana kan. mungkin cara penulisan, mungkin cara bacaan, ada juga kita cari dengan guru kelas dia untuk tahu latar belakang keluarga dia (UR.TBM.A1.15-16).

Bagi Peserta Kajian 6 pula, moderasi bersama rakan guru melibatkan strategi pengajaran bahasa bagi memantapkan penguasaan kemahiran, khususnya menulis. Dalam Standard Pembelajaran Kemahiran Menulis Tahun 1, pembelajaran murid dinilai bermula daripada aspek memegang dan menggerakkan alat tulis ke arah yang betul dan menyambung titik sebelum menulis huruf dan perkataan dengan betul. Beliau didapati mengikuti proses pembelajaran menulis murid serta melakukan moderasi bagi mencari idea untuk menjalankan aktiviti yang memotivasikan murid untuk menulis sebagaimana transkrip berikut:

Tambahan untuk Tahap Satu, yang penting adalah kemahiran menulis dan melibatkan psikomotor. Jadi kita boleh kutiplah aktiviti dan pengalaman guru-guru lain buat untuk kemahiran menulis.

Kadang- kadang ada guru menggunakan plastisin, getah dan stoking. Yang mana sesuai kita cuba ambil (UA.TBM.A1.19-20).

Para peserta kajian didapati sering kali melakukan moderasi bersama rakan sejawat bagi membuat keputusan tentang murid yang difokuskan setelah memperoleh maklumat yang mendalam tentang murid tersebut. Hal ini membolehkan mereka merancang pengajaran yang sesuai mengikut keperluan murid dalam kelas yang diajar. Tidak dapat dinafikan, kelima-lima peserta kajian sentiasa memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan murid menguasai pembelajaran dengan baik serta melepasi tahap penguasaan minimum dalam pembelajaran mereka.

Moderasi Pembelajaran Murid

Selain moderasi silibus bahasa Arab, para peserta kajian juga menjalankan moderasi bagi isu-isu berkaitan pembelajaran murid. Hal ini melibatkan perubahan tingkah laku dan sikap murid. Perubahan tingkah laku dalam kajian ini merujuk kepada perubahan sikap dan tingkah laku secara mendadak dalam tahun pengajaran, manakala sikap murid pula merujuk kepada *fe'el* dan perangai guru yang perlu mereka fahami sebelum membuat penentuan tahap penguasaan murid.

Memandangkan mata pelajaran bahasa Arab telah diperuntukkan tiga waktu seminggu, moderasi bersama guru lain yang mempunyai kontak masa yang lebih panjang bersama murid diperlukan. Para peserta kajian didapati membuat perbincangan bersama guru mata pelajaran lain yang mengajar di kelas yang sama bagi mengenali murid dengan lebih dekat sama ada daripada sisi peribadi, kelebihan, atau kekurangannya. Hal ini sebagaimana dijelaskan Peserta Kajian 4 dalam temu bual berikut:

Sebab kita Bahasa Arab ni dua kali saja masuk. Kalau BM tu hari-hari masuk, jadi dia akan lagi kenal murid tu. Bila kita berbincang, kita akan lebih kenal dia. Mungkin dalam kelas kita dia bermasalah, tapi kita tak tahu apa punca dia, tapi bila kita bincang dengan guru-guru lain, kita akan tau sebab dia (US.TBM.A1.12-13).

Bagi Peserta Kajian 5, antara isu yang dimoderasi dalam perubahan tingkah laku murid adalah ketika murid kurang fokus semasa PdP tetapi sebelumnya dapat memberi tumpuan dan mengikuti pembelajaran dengan baik. Moderasi dilakukan agar TP kembali seperti asal.

Berdasarkan penceritaan pengalaman Peserta Kajian 5, apabila murid yang pada asalnya aktif dalam menjawab soalan di dalam kelas, cepat menyiapkan tugasan, dan menunjukkan nilai-nilai positif tiba-tiba berubah sikap, guru perlu menyiasat dan meneroka murid tersebut. Antara penerokaan yang dilakukan adalah seperti berikut:

Macam mana kita tahu murid tu... apa... emosi budak macam mana... mungkin di awal tu dia ok... tiba-tiba nampak bila kita ajar tajuk 2, 3 ni dia tak berapa nak fokus kan. Kita cari sebab dia... teroka. Banyak kes macam tu... murid tiba-tiba tak fokus (UR.TBM.A1.13-14).

Proses ini penting agar beliau dapat membantu mencari jalan penyelesaian sekali gus mengembalikan prestasi pembelajaran murid seperti asal malah lebih baik lagi. Pengalaman Peserta Kajian 5 dikongsikan dalam petikan temu bual berikut:

Bila kita cari-cari, sembang-sembang, rupanya ada masalah keluarga, perceraian mak ayah... maknanya kita tahu emosi budak tu macam tu. Maknanya, bila contoh budak tu ok, ok, ok, bila dia tak capai tu kita nak terus bagi dia rendah, tak. Maknanya kita kena garapkan, tengok dia macam mana. Kita bantu dia supaya dia boleh capai macam mana dia boleh capai sebelum ni (UR.TBM.A1.14-15).

Dalam hal ini, Peserta Kajian 5 didapati mengenal pasti ketidaknormalan yang berlaku, seterusnya mencari jalan penyelesaian agar perkembangan pembelajaran murid adalah normal dan kembali seperti sedia kala.

Peserta Kajian 5 telah bertindak mengenal pasti masalah apabila mendapati TP murid adalah rendah. Antara langkah yang dilakukan ialah moderasi bersama guru mata pelajaran dalam kelas diajar untuk mengenal pasti penguasaan murid tersebut dalam mata pelajaran yang lain. Sebagaimana Peserta Kajian 5, moderasi tentang murid yang sememangnya memperoleh TP yang rendah akan mencungkil masalah yang dihadapi murid tersebut:

Kalau TP1 dan TP2 tu, mungkin kita akan bincang balik dengan guru-guru lain, kenapa dia boleh sampai rendah macam tu. Tengok subjek lain lah. Kalau subjek lain pun memang dia rendah, kadang tu murid ni... ada masalah. Mungkin dia adalah murid keciciran, ponteng... Mungkin dia ada masalah macam tu (UR.TBM.A1.4-5).

Di samping itu, Peserta Kajian 5 turut melakukan moderasi bersama guru kelas untuk mengetahui latar belakang murid sebagaimana pernyataan berikut:

Ada juga kita cari dengan guru kelas dia untuk tahu latar belakang keluarga dia (UR.TBM.A1.15-16).

Dalam mata pelajaran bahasa Arab, Peserta Kajian 5 didapati menentukan tahap penguasaan murid secara lisan, yakni bagi kemahiran bertutur dan membaca. Dalam hal ini, beliau menghadapi kesukaran menentukan TP murid yang pasif dan kurang memberi kerjasama memberi respons lisan. Oleh itu, moderasi rakan sebaya dilakukan sebagaimana dinyatakan Peserta Kajian 5 dalam pernyataan berikut:

Kadang tu, kita nak tentukan TP murid tu, mungkin murid tu tak berapa nak bercakap sangat kan... tapi dengan kawan-kawan dia boleh nak baca dengan kawan-kawan dia. Yang tu yang nak kenal murid tu. Maknanya bila dengan kawan dia boleh baca, kawan kata, ustazah, dia boleh baca. Maknanya itu juga mempengaruhi TP kita (UR.TBM.A1.6-7).

Peserta Kajian 4 turut menjelaskan kepentingan moderasi bersama rakan sebaya seperti berikut:

Selalunya kita kenal pasti dulu masalah, bila dah kenal pasti masalah kita kena cuba selesaikan. Bila nak selesaikan ni sama ada dengan guru kelas ka, guru mata pelajaran ka, ataupun dengan kawan-kawan dia sendiri. Kadang-kadang kawan ni lebih tahu cerita daripada cikgu-cikgu. Kawan-kawan tu yang akan bercakap (US.TBM.A1.19-20)

Dalam menangani isu murid pasif, selain moderasi bersama rakan sebaya, Peserta Kajian 4 turut melakukan moderasi bersama rakan guru. Respons murid mungkin berbeza antara guru mengikut keselesaan mereka dengan guru tersebut. Murid mungkin aktif di dalam kelas guru yang digemarinya dan pasif di dalam kelas guru yang garang. Hal ini dijelaskan sebagaimana pernyataan di bawah:

Moderasi dengan kawan-kawan, cikgu-cikgu lain itu memang pentinglah. Sebab kadang-kadang dengan kita dia tak nak bercakap, tapi dengan cikgu lain dia bercakap. Jadi memang perlu ada perbincangan lah dengan guru- guru lain (US.TBM.A1.19-20).

Moderasi juga amat penting hingga akhirnya guru-guru berjaya menemui punca isu tersebut dan memikirkan intervensi yang sesuai:

Contoh masalah kenapa dia tak nak bercakap. Kadang-kadang budak ni dia tak nak bercakap sebab dia ada masalah pelat. Dia rasa rendah diri... dia malu dengan kawan-kawan (US.TBM.A1.19-21).

Sikap murid yang suka tidur dalam kelas juga tidak boleh diambil mudah. Berdasarkan perkongsian Peserta Kajian 4, murid sebegini perlu diselidiki latar belakang keluarga agar masalah yang dihadapi dapat dikenal pasti dengan sebaiknya:

Perbincangan dengan guru-guru ni merangkumi aspek kemahiran dia, masalah emosi dia, dan semualah. Contoh macam masalah keluarga. Dia akan main peranan juga. Lepas tu masalah ekonomi, kadang-kadang kita tengok dia asyik tido saja dalam kelas, tanya-tanya, dia rupanya pukul 1 pagi baru balik, ikut mak meniaga... Jadi maksudnya, kita kena tahulah masalah dia. Kalau kita asyik marah saja tak dapat selesai apa-apa lah (US.TBM.A1.19-21).

Menyelidiki latar belakang murid amat penting dalam membantu mengoptimumkan potensi murid dalam pembelajaran. Guru perlu mencari maklumat sedalam mungkin sebelum menentukan TP iaitu membuat keputusan atas pembelajaran murid :

Seterusnya kita perlu ada maklumat tentang murid tersebut, macam mana masalah dia, latar belakang keluarga, dan sebagainya yang menyebabkan dia tidak boleh mencapai TP3 (UA.TBM.A1.12-13).

Kepelbagaian kaedah moderasi dan perbincangan diperlukan agar guru mendapat keyakinan yang jitu sebelum menentukan TP murid. Keutamaan adalah pada TP yang ditentukan untuk mewakili atau menghampiri prestasi sebenar seseorang murid seseorang murid:

Kemudian, yang seterusnya, kita perlu ada PLC. Peer coaching, LADAP. Perbincangan dengan rakan-rakan guru. Penting sebab kita nak mengenali murid dan tahu penguasaan prestasi dia dalam mata pelajaran lain juga (UA.TBM.A1.12-13).

Berdasarkan dapatan kajian ini, para peserta kajian didapati menjalankan moderasi dengan pelbagai pihak bagi mendapat penentuan TP murid yang adil. Pihak-pihak yang terlibat dalam moderasi antaranya ialah rakan guru bahasa Arab, guru mata pelajaran dalam kelas diajar, guru kelas, rakan guru, dan rakan sebaya murid. Moderasi tidak hanya bertumpu kepada kandungan pembelajaran murid, malah turut mengesan isu-isu melibatkan sosioemosi murid merangkumi perubahan tingkah laku dan sikap.

PERBINCANGAN

Moderasi Silibus Bahasa Arab

Guru melakukan moderasi berkaitan silibus bahasa Arab dalam kelompok yang berbeza, antaranya ahli Panitia Bahasa Arab iaitu guru bahasa Arab, guru *tasmik* dan Pendidikan Islam, guru mata pelajaran lain dan sesuatu kelas yang diajar, dan rakan sejawat. Moderasi sesama Guru Bahasa Arab dilakukan untuk perkongsian dalam aspek Bahan Bantu Mengajar. Moderasi turut dilakukan bersama guru *tasmik* dan guru Pendidikan Islam bagi mencuba pendekatan guru lain yang berjaya, untuk disesuaikan dalam PdP bahasa Arab untuk meningkatkan penguasaan pembelajaran murid. Moderasi dilakukan bersama guru *tasmik* kelas yang diajar, terutama yang melibatkan kemahiran membaca. Moderasi dengan guru mata pelajaran yang lain dalam kelas diajar dilaksanakan untuk mendapatkan gambaran yang lebih baik tentang seseorang murid.

Perbincangan sesama guru mata pelajaran yang lain juga penting agar para guru dapat mengenali peribadi dan potensi murid dengan lebih baik serta mengetahui kemampuan seseorang murid dalam aspek penulisan dan pembacaan. Maklumat murid akan dicungkil semasa berbual dengan guru-guru yang mengajar di kelas yang sama. Moderasi bersama rakan guru melibatkan strategi pengajaran bahasa bagi memantapkan penguasaan kemahiran, khususnya menulis. Moderasi bersama rakan sejawat adalah penting bagi membuat keputusan tentang murid yang difokuskan setelah memperoleh maklumat yang mendalam tentang murid tersebut. Hal ini membolehkan mereka merancang pengajaran yang sesuai mengikut keperluan murid dalam kelas yang diajar.

Moderasi Pembelajaran Murid

Selain moderasi silibus bahasa Arab, para peserta kajian menjalankan moderasi bagi isu-isu berkaitan pembelajaran murid. Hal ini melibatkan perubahan tingkah laku murid dan sikap murid. Perubahan tingkah laku dalam kajian ini merujuk kepada perubahan sikap dan tingkah laku murid secara mendadak dalam tahun pengajaran, manakala sikap murid pula merujuk kepada *fe'el* dan perangai guru yang perlu mereka fahami sebelum membuat penentuan TP murid.

Memandangkan bahasa Arab diperuntukkan tiga waktu seminggu, moderasi bersama guru lain yang mempunyai kontak masa yang lebih panjang bersama murid diperlukan. Berdasarkan kajian ini, moderasi aspek pembelajaran murid dilakukan bersama guru mata pelajaran lain yang mengajar di kelas yang sama bagi mengenali murid dengan lebih dekat, sama ada daripada sisi peribadi, kelebihan, dan kekurangannya. Antara isu yang dimoderasi dalam perubahan tingkah laku murid ialah murid kurang fokus semasa PdP tetapi sebelumnya dapat memberi tumpuan dan mengikuti pembelajaran dengan baik. Moderasi dilakukan agar TP kembali seperti penguasaannya yang asal.

Guru perlu menyiasat punca perubahan sikap murid tersebut. Proses ini penting agar murid dapat dibantu dan mengembalikan prestasi pembelajaran murid tersebut seperti asal, atau malah lebih baik lagi. Guru boleh melakukan moderasi bersama guru kelas untuk mengetahui latar belakang murid bagi mencungkil masalah dan menyelesaikan isu murid. Di samping itu, moderasi dengan rakan sebaya murid tidak kurang pentingnya, kerana rakan-rakan lebih rapat dan mengenali murid berbanding guru. Moderasi bersama rakan guru juga perlu dilakukan kerana respons murid mungkin berbeza antara guru mengikut keselesaan mereka dengan guru tersebut. Murid mungkin aktif di dalam kelas guru yang digemarinya dan pasif di dalam kelas guru yang garang.

Moderasi amat penting hingga akhirnya kita berjaya menemui punca isu tersebut dan memikirkan intervensi yang sesuai. Moderasi bersama kelompok ini akan membantu guru menyelidik latar belakang murid dan menyelesaikan masalah yang dihadapi agar murid dapat mengikuti pembelajaran dengan baik secara kondusif di sekolah. Pelaksanaan moderasi menyokong konsep pentaksiran menurut Maki (2002), iaitu pentaksiran sebagai satu hasrat untuk mengetahui kesesuaian antara jangkaan program pengajaran atas pencapaian murid dan corak pencapaian sebenar murid. Melalui moderasi dalam PBD, guru dapat mengukur kebolehan murid dan mengenal pasti corak perkembangan murid, seterusnya membuat penilaian berdasarkan garis panduan yang diberi dengan pertimbangan beliau, seterusnya membuat keputusan dan penentuan tahap penguasaan murid yang selayaknya.

Kepelbagaian kaedah moderasi dan perbincangan adalah diperlukan agar guru mendapat keyakinan yang jitu sebelum menentukan TP murid. TP yang ditentukan harus mewakili atau menghampiri prestasi sebenar seseorang murid. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru melakukan moderasi dengan pelbagai pihak untuk meningkatkan prestasi murid. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Haynie (2006) yang menyatakan pengajaran efektif bukan sahaja melibatkan guru, namun melibatkan komunikasi guru bersama keluarga pelajar, serta antara komuniti profesional perguruan demi meningkatkan profesionalisme mereka. Pengajaran merupakan satu proses berterusan bagi guru yang sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti pelaksanaan pengajaran dan pentaksiran dalam bidang kepakaran mereka.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, moderasi ialah salah-satu cara guru memperoleh maklumat murid dalam PBD. Para guru perlu menjalankan moderasi dengan pelbagai pihak bagi membuat penentuan TP murid yang adil. Pihak-pihak yang

terlibat dalam moderasi termasuklah rakan guru bahasa Arab, guru mata pelajaran dalam kelas diajar, guru kelas, rakan guru, dan rakan sebaya murid. Moderasi tidak hanya bertumpu kepada kandungan pembelajaran murid, malah turut mengesan isu-isu melibatkan sosioemosi, merangkumi perubahan tingkah laku dan sikap.

RUJUKAN

- Abdul Razif Zaini, Noor Shamshinar Zakaria, Mohd Rofian Ismail, Mohd Redzaudhin Ghazali & Hasmadi Hamdan (2020). Kompetensi guru bahasa Arab sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(1).
- Allal, L. (2013). Teachers' professional judgement in assessment: A cognitive act and a socially situated practice. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 20(1), 20–34. <https://doi.org/10.1080/0969594X.2012.736364>
- Allal, L. K. (1988). Quantitative and qualitative components of teachers' evaluation strategies. *Teaching and Teacher Education*, 4(2), 91–103. [https://doi.org/10.1016/0742-051X\(88\)90023-6](https://doi.org/10.1016/0742-051X(88)90023-6)
- Black, P., & Wiliam, D. (2018). Classroom assessment and pedagogy. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 25(6), 551–575. <https://doi.org/10.1080/0969594X.2018.1441807>
- Bogdan, R., & Biklen, S. (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theory and models*. Allyn & Bacon.
- Brookhart, S. M. (2004). Assessment theory for college classrooms. *New Directions for Teaching and Learning*, 2004(100), 5–14. <https://doi.org/10.1002/tl.165>
- Creswell, John W. (2013). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (3rd ed.). Sage.
- Hariatul Hafidzah Mahmad Khory, Mohd Nazri Abdul Rahman & Muhammad Azhar Zailani. (2021). Pengurusan pentaksiran bilik darjah mata pelajaran bahasa Arab berasaskan keperluan pembelajaran murid. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(2), 41-57
- Haynie. (2006). *Effective Biology teaching: A value-added instructional improvement analysis model*. <https://www.wcpss.net/evaluation-research>
- Galaczi, E. D., Ffrench, A., Hubbard, C., & Green, A. (2011). Developing assessment scales for large-scale speaking tests: A multiple-method approach. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 18(3), 217–237.
- Guetterman, T. C. (2015). *Descriptions of sampling practices within five approaches to qualitative research in education and the health sciences*. *Forum: Qualitative Social Research*, 16(2). <https://doi.org/10.17169/fqs-16.2.2290>
- IPGM. (2019). *Buku panduan pentaksiran IPGM*. (J. P. P. dan Senat, Ed.) (Semakan Ju). IPGM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Panduan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah*. Kementerian Pendidikan Malaysia (Pertama, Vol. 1). Putrajaya.
- Maki, P. L. (2002). Developing an assessment plan to learn about student learning, *Journal of Academic Librarianship*, 28(1), 8-13
- Merriam, S. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. John Wiley & Sons. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. Jossey-Bass.
- Noraini Idris (2003). Mathematics learning in English as a second language. *Diges Pendidik*, 4(1), 64-72.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods* (2nd ed.). SAGE Publications.
- Smith, J. K. (2003). Reconsidering reliability in classroom assessment and grading. *Educational Measurement: Issues and Practice*, 22(4), 23–27. <https://doi.org/10.1111/j.1745-3992.2003.tb00141.x>
- Wyatt-Smith, Claire, & Klenowski, V. (2010). *Standards, teacher judgement and moderation in contexts of national curriculum and assessment reform*. Assessment Matters.
- Wyatt-Smith, C., & Klenowski, V. (2013). Explicit, latent, and meta-criteria: Types of criteria at play in professional judgement practice. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 20(1), 19–36. <https://doi.org/10.1080/0969594X.2012.725030>
- Zuhairi, W. A. W. M. (2017). *Evidens pentaksiran sekolah dalam pengajaran bahasa Arab sekolah rendah* [Doctoral thesis, Universiti Malaya]. Universiti Malaya.